

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### **Nilai output kasar Malaysia RM3.21 trillion**

# Nilai output kasar Malaysia RM3.21 trillion

**Nilai** output kasar bagi keseluruhan sektor ekonomi Malaysia berkembang sebanyak RM307.6 bilion atau 10.6 peratus kepada RM3.21 trillion pada 2021 berbanding RM2.9 trillion pada 2020, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam kenyataan Statistik Ekonomi Tahunan 2021, semalam, jabatan itu berkata, sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dengan mencatat 50.1 peratus kepada nilai output kasar berjumlah RM1.61 trillion dengan perubahan peratusan tahunan sebanyak 17.4 peratus.

Sektor perkhidmatan dan pembinaan masing-masing pada nilai RM1.17 trillion (sumbangan: 36.6 peratus; perubahan peratusan tahunan: 1.6 peratus) dan RM170.8 bilion (sumbangan: 5.3 peratus; perubahan peratusan tahunan: -1.4 peratus).

“Selain itu, input perantaraan bagi keseluruhan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.2 peratus pada 2021 kepada RM1.96 trillion berbanding RM1.75 trillion pada tahun sebelumnya,” katanya. BERNAMA